

# Cincau Segar produk terbaik Fitrah Food



Bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian. Setelah hampir 10 tahun menceburi bidang perniagaan, usaha dan komitmen menghasilkan produk minuman herba Cincau Segar membuahkan hasil apabila mula diterima dalam pasaran.

Pengarah Operasi Fitrah Food Sdn Bhd, Hasim Mohd berkata, pengalaman bekerja di syarikat minuman antarabangsa lebih daripada 23 tahun menyuntik semangat untuk memajukan diri dengan membuka perniagaan sendiri.

"Susur galur perniagaan yang ada turun dan naiknya bukan halangan untuk berhenti di pertengahan jalan tetapi mengambil masa tiga tahun pertama untuk membuat kajian dan penyelidikan kehendak pasaran.

"Di permulaan operasi, produk kami tidak tertumpu kepada minuman cincau semata-mata, tetapi mengedar produk yang pelbagai termasuk makanan segera dan madu," katanya.

Kajian tersebut katanya banyak membantu syarikat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan produk yang dihasilkan serta mendapati air minuman cincau diterima masyarakat berbanding produk lain.

"Kami membuat keputusan memfokuskan perniagaan kepada produk itu dengan meningkatkan kualiti rasa dan penjenamaan dari semasa ke semasa.

"Maklum balas orang ramai ketika ditanya tentang produk segar Fitrah Food adalah positif, itu merupakan berita gembira kerana produk tempatan dikenali dan mampu bersaing dengan produk sedia ada di pasaran," katanya.

Menceritakan detik awal memulakan perniagaan, bermodalkan yang sangat minima berserta empat orang pekerja termasuk dua rakan kongsi yang juga daripada keluarganya adalah antara cabaran paling besar dalam hidupnya.

"Cabaran itu telah ditempuhi



Proses memasukkan minuman cincau ke dalam botol minuman.



Produk yang dihasilkan

mencukupi katanya, Fitrah Food sedia untuk ke peringkat seterusnya dengan memasarkan produk Cincau Segar ke seluruh Malaysia.

Buat perancangan terdekat ini, pelanggan boleh mendapatkan Cincau Segar dalam botol 1.5 liter kerana sebelum ini minuman tersebut hanya di pek dalam botol bersaiz 500 ml.

Selain membesarkan syarikat, beberapa produk minuman baru turut diperkenalkan antaranya minuman rumpai laut dengan lemon yang mula ada di pasaran tempatan awal tahun lalu. Beliau turut menghasilkan

minuman kolagen yang bakal dipasarkan tempatan dan antarabangsa.

Katanya, bersesuaian dengan bulan Ramadan yang bakal disambut umat Islam, beliau turut menghasilkan cincau dalam bentuk paket buat keluarga yang inginkan kelainan juadah minuman.

"Cincau boleh dipelbagaikan dengan air minuman lain seperti sirap, bandung dan milo.

Orang ramai yang berminat untuk mencuba minuman keluaran Fitrah Food boleh mendapatkannya di pasar raya seperti Mydin dan Carrefour.

"Minuman Cincau Segar juga berjaya masuk ke pasaran tempatan dan bersaing dengan beberapa produk dalam serta luar negara. Penggemar Cincau Segar boleh mendapatkannya di beberapa pasar raya utama, seperti Mydin, Carrefour, stesen minyak Petronas," katanya.

Fitrah Food katanya mempunyai potensi yang bagus apabila saban tahun menunjukkan peningkatan pengeluaran.

## Perancangan masa depan

Ditanya mengenai perkembangan perniagaannya, beliau berhasrat untuk bergerak lebih agresif dengan memasarkan produk secara menyeluruh di pasaran tempatan tetapi perlu memantapkan sistem syarikat terlebih dahulu supaya perjalanan operasinya berjalan lancar tanpa sebarang sekatan.

Perniagaannya yang semakin meningkat dengan jumlah permintaan yang tinggi memang sesuatu yang menggembirakan. Namun faktor kilang yang kecil ditambah pula dengan alatan mesin yang terhad ada kala menyebabkan beliau terpaksa

mengehadkan pengeluaran.

Justeru itu katanya, beliau merancang untuk memanjangkan waktu operasi kilang untuk membantu menghasilkan lebih banyak pengeluaran.

"Saya mahu perancangan pemasaran dilakukan secara teliti dan menyediakan saluran yang betul sebelum memasarkan produk syarikat secara besar-besaran.

"Pemasaran buat masa ini dilakukan secara kecil-kecilan dan setakat ini melantik ejen di Terengganu serta Kelantan untuk memperkenalkan produk kepada orang ramai," katanya.

Apabila sistem dan alatan sudah

**Menyemak  
label dan  
tarikh  
luput  
minuman.**



**Pekerja Fitrah  
Food di latih  
supaya  
mengutamakan  
kebersihan  
dengan  
memakai  
penutup kepala  
dan mulut.**



*Mereka yang berminat mendapatkan produk boleh menghubungi:*  
Hasim Mohd 013-2098789 [www.fitrahfood.com](http://www.fitrahfood.com) email: [fitrah\\_f@streamyx.com](mailto:fitrah_f@streamyx.com)  
Tel : 03-5621 3596 Fax: 03-5621 3595